

9 JAN 1996

Cuepacs-Bahas

SOAL PEMIMPIN RADIKAL HANGAT DIBAHAS PADA KONVENSYEN CUEPACS

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Soal sikap radikal seorang dua pemimpin Cuepacs yang menjadi punca kelewatan dalam mencari penyelesaian isu pelarasan gaji kakitangan awam seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hangat dibahaskan pada konvensyen ke-20 kesatuan sekerja itu hari ini.

Kebanyakan perwakilan yang berbahas mengenai isu tuntutan pelarasan gaji membuat andaian bahawa pemimpin radikal yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri itu ialah Presiden Cuepacs Mohamed Mat Jid dan Setiausaha Agung A.H. Ponniah.

Dr Mahathir, dalam ucapannya ketika merasmikan konvensyen itu pagi tadi mendedahkan bahawa kelewatan kerajaan menyelesaikan isu tuntutan gaji adalah ekoran sikap radikal yang ditunjukkan oleh seorang dua pemimpin Cuepacs.

Salah seorang perwakilan yang berucap berkata sama ada radikal atau tidak, Cuepacs memerlukan seorang pemimpin yang benar-benar dapat membantu menyelesaikan masalah pekerja.

"Soal radikal atau tidak adalah daripada segi peristilahan kerana apa yang diperlukan oleh Cuepacs ialah seorang pemimpin yang sanggup bekerja kuat demi memperjuangkan nasib pekerja terutama golongan berpendapatan rendah," katanya.

Seorang lagi perwakilan berkata sikap kesederhanaan tanpa memperjudikan nasib pekerja perlu ada pada diri pemimpin Cuepacs agar segala masalah dapat diselesaikan dengan cara baik dalam usaha menjaga keharmonian perhubungan perusahaan bagi sektor awam.

Dengan bersikap sederhana tidak semestinya seseorang pemimpin itu mudah tunduk terhadap sesuatu yang bercanggah dengan kepentingan pekerja tetapi sikap seperti itu akan memudahkan lagi penyelesaian sesuatu masalah, katanya.

Mengenai isu pelarasan gaji pula, rata-rata para perwakilan yang berucap menyerahkan kepada pucuk pimpinan Cuepacs menyelesaikan isu itu dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan berharap para pemimpin kesatuan akan berpegang kepada cadangan agihan yang telah dikemukakan.

Dalam pada itu, sebanyak 31 usul akan dibentangkan pada konvensyen tiga hari itu yang mana kebanyakannya adalah mengenai soal perkhidmatan dan cuti tahunan.

Antara usul itu termasuk meminta kerajaan memberi cuti bergaji kepada kakitangan awam yang telah berkhidmat selama 10 tahun untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah atau yang setaraf dengannya.

Selain itu kerajaan juga di minta menambah cuti bersalin kepada kakitangan yang melahirkan anak dari 42 hari kepada 60 hari serta cuti tanpa rekod selama tiga hari kepada kakitangan yang mengalami kematian anggota keluarga terdekat.

-- Bernama